

Agenda kerajaan diteruskan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Mesyuarat Kabinet semalam berlangsung seperti biasa di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya walaupun ketika ini terdapat pelbagai drama politik antara UMNO dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

Mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin disertai beberapa Jemaah Menteri termasuk daripada UMNO.

Terdahulu, Muhyiddin berkongsi beberapa gambar mesyuarat Kabinet menerusi hantaran di Facebook beliau.

Sudah menjadi kebiasaan, mesyuarat Jemaah Menteri berlangsung pada setiap Rabu manakala pada Jumaat sepanjang Parlimen bersidang.

Turut kelihatan dalam mesyuarat itu ialah Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob duduk di sebelah kanan Muhyiddin, manakala Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berada di sebelah kirinya.

Turut kelihatan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin.

Terdahulu, Muhyiddin dalam kenyataan, memaklumkan telah menasihatkan menteri-menteri daripada UMNO supaya terus kekal be-



TAN Sri Muhyiddin Yassin mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam. - FACEBOOK PERDANA MENTERI

rada dalam Kabinet dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan negara.

Susulan itu, Perdana Menteri berkata, semua mencapai kesepakatan bahawa semua menteri UMNO akan terus kekal dalam Kabinet.

Kata beliau, Kabinet akan berfungsi seperti biasa dan segala agenda kerajaan akan terus dilaksanakan seperti dirancang.

Muhyiddin berkata, nasihat itu disampaikan selepas menteri dan timbalan menteri

UMNO menemuinya Isnin lalu dan meminta nasihat mengenai kedudukan mereka berikutan keputusan Perhimpunan Agung UMNO 2020 untuk memutuskan hubungan dengan Bersatu pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Ketika ini secara keseluruhan Muhyiddin melantik 69 menteri dan timbalan menteri. Daripada jumlah itu, 14 adalah wakil UMNO manakala 12 lagi ahli parti itu berkhidmat dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Kabinet akan berfungsi seperti biasa dan segala agenda kerajaan akan terus dilaksanakan seperti dirancang."

MUHYIDDIN YASSIN